



CFO MSM Malaysia, Dr Mazatul 'Aini Shahar letak jawatan

Oleh [BERNAMA](#) - Ogos 12, 2024 @ 9:47pm



Dr Mazatul 'Aini Shahar Abdul Malek Shahar.

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd melantik Nur Izwan Mohd Nawawi sebagai pegawai bertanggungjawab secara interim berkuat kuasa 12 Ogos 2024, berikutan peletakan jawatan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) syarikat itu, Dr Mazatul 'Aini Shahar Abdul Malek Shahar.

Pengeluar gula bertapis itu berkata, Nur Izwan akan memikul tanggungjawab CFO sehingga lembaga itu mengenal pasti calon yang sesuai untuk jawatan itu.

"Sepanjang tempoh ini, Nur Izwan akan memastikan semua transaksi dan operasi berkaitan kewangan berjalan secara berterusan dan tidak terganggu," katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Nur Izwan memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan mempunyai pengalaman mendalam selama 22 tahun dalam perakaunan dan kewangan, kata MSM.

Beliau juga ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA), katanya.

Terdahulu, dalam makluman berasingan MSM berkata Mazatul 'Aini Shahar meletak jawatan untuk memegang jawatan sebagai CFO di sebuah institusi kewangan.

-BERNAMA

HEADLINE	CFO MSM Malaysia, Dr Mazatul 'Aini Shahar letak jawatan
MEDIA	Berita Harian- Online
DATE	12 August 2024 , 9:47pm
BY	Bernama
LINK	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/08/1284001/cfo-msm-malaysia-dr-mazatul-aini-shahar-letak-jawatan